

# PM arah segerakan bantuan pasca banjir

BH-22/12/2021 ml: 2

**Jebeu:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengarahkan semua pihak dan agensi berkaitan menyegerakan urusan bantuan pasca banjir seperti pembersihan rumah yang terje-

jas dan membaik pulih infrastruktur walaupun tiada tempoh masa ditetapkan.

“Perlu dipercepatkan termasuk kelulusan daripada pusat pengurusan supaya bantuan dapat

diberikan di sesuatu kawasan.

“Saya difahamkan dari segi peraturan selepas banjir surut, untuk masuk balik ke rumah perlu maklum kepada pusat pengurusan bencana daerah sebab mereka akan pastikan dahulu kawasan itu selamat untuk dimasuki atau tidak.

“Harap perkara ini dipercepatkan. Saya tidak mahu nanti kerana lewat memberikan kelulusan, ia akan jejaskan kemasukan mangsa ke rumah masing-masing.

“Jadi kalau air banjir sudah tiada, kebenaran boleh diberikan untuk mereka balik ke rumah masing-masing,” katanya.

Bercakap pada sidang media selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan D’Sury, Kuala Klang, semalam, beliau berkata, arahan juga sudah dikeluarkan kepada agensi seperti bomba, tentera, polis serta pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mempunyai peralatan mencukupi supaya membantu mempercepatkan proses pembersihan.

“Kita tidak tetapkan jangka masa, tetapi saya mahu kalau boleh, hari ini tiada lagi banjir, hari ini juga perlu dikeluarkan

surat kebenaran (mangsa pulang ke rumah) dan juga pembersihan dilakukan,” katanya yang turut mahu bantuan ehsan RM1,000 diperuntukkan kerajaan kepada setiap keluarga terjejas banjir dapat disalurkan segera.

“Saya tidak mahu pembayaran ambil masa lama, saya tidak mahu selepas diumumkan (bantuan), timbul isu nama tidak lengkap dan sebagainya sehingga mangsa lambat terima. Dalam banjir besar ini, sesetengahnya (mangsa) sehelai sepinggang sahaja, habis musnah semuanya. Jadi bantuan kewangan itu sangat diperlukan,” katanya.

Ketika meninjau mangsa banjir di PPS Sekolah Menengah Kebangsaan Triang Hilir, Simpang Pertang kemudian, Perdana Menteri menasihatkan mangsa bencana itu supaya terus menjaga kesihatan diri masing-masing, terutama dalam keadaan kecemasan dan bencana.

Beliau yang meluangkan masa kira-kira 20 minit bersama hampir 70 mangsa daripada 17 keluarga selain turut meninjau pusat operasi PPS berkenaan, berkata dalam keadaan kecemasan sekarang, penduduk yang terjejas perlu menjaga ke-

sihatan diri.

“Susah juga kalau tak sihat dan pastikan makan dengan cukup,” katanya.

Dalam pada itu, mangsa banjir, Rosalina Abd Rahman, 56, terharu dengan keprihatinan Ismail Sabri yang sanggup meluangkan masa turun padang melihat sendiri keadaan penduduk yang dipindahkan ke PPS.

“Terima kasih PM, rasa terharu beliau datang. Ini kali pertama saya jumpa depan-depan, ini menunjukkan keprihatinannya dan tidak melupakan mangsa banjir seperti kami,” katanya yang berada di PPS berkenaan sejak tiga hari lalu bersama empat anak termasuk seorang anak kurang upaya.

Rosalina yang menetap di Kampung Mentaus di sini, berkata banjir 18-Disember lalu adalah bencana paling teruk dalam hidupnya dan meninggalkan kesan dan trauma kerana insiden berlaku sekelip mata, menyebabkan mereka tidak sempat menyelamatkan harta benda.

“Memang tak jangka seteruk ini, banjir menenggelamkan hampir 90 peratus rumah kami, rasa sangat sedih tapi kami reda,” katanya.

## Ibadat&Fadilat

Abu Zar RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda kepadaku: “Mahukah kamu sekiranya aku memberitahu satu ucapan yang dicintai Allah? Yakinlah, ucapan yang Allah sukai ialah subhanallah wa bihamdihi.” (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:10	1:20	4:40	7:11	8:26
Alor Setar	6:11	1:20	4:41	7:12	8:26
P. Pinang	6:10	1:19	4:41	7:13	8:28
Ipoh	6:06	1:17	4:40	7:12	8:27
Kuala Lumpur	6:02	1:15	4:37	7:12	8:26
Shah Alam	6:02	1:15	4:37	7:12	8:26
Johor Bahru	5:49	1:06	4:30	7:06	8:21
Kuantan	5:55	1:09	4:32	7:06	8:21
Seremban	5:58	1:13	4:36	7:11	8:26
Bandar Melaka	5:57	1:12	4:36	7:11	8:25
Kota Bharu	6:03	1:12	4:33	7:04	8:15
K. Terengganu	5:58	1:08	4:30	7:02	8:17
Kota Kinabalu	5:08	12:18	3:39	6:11	7:26
Kuching	5:25	12:41	4:05	6:40	7:55